

Sultan Kedah dukacita

Semua pihak perlu ketepikan fahaman politik dan tampil membantu mangsa

ALOR SETAR: Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, semalam melahirkan rasa dukacita baginda dengan nasib rakyat negeri itu yang berdepan kesukaran akibat dilanda banjir terburuk da-

lam sejarah Kedah.

Bertitah pada majlis taklimat khas banjir di sini, baginda turut meminta semua pihak mengetepikan fahaman politik dan tampil membantu demi kepentingan seluruh rakyat negeri yang ter-

jejas teruk akibat bencana itu.

"Beta berasa dukacita di atas kejadian banjir yang melanda seluruh rakyat negeri Kedah yang tercinta ini, tapi percaya ada hikmah di sebalik semua ini.

"Marilah kita sama-sama bersyukur atas nikmat Allah dan yang penting sama-sama mengambil iktibar dan merenung serta memikirkan hikmah di sebalik kejadian ini," titah baginda.

Pada majlis berkenaan, baginda turut mengumumkan sumbangan RM500,000 daripada hasil zakat negeri serta berkenaan mengurniakan sumbangan peribadi RM100,000 kepada kerajaan negeri untuk membantu mangsa banjir di Kedah.

Terdahulu Sultan Kedah dan Sultanah, Tuanku Hamidah Hamidun berangkat melawat rakyat jelata yang terabit dengan bencana itu di pusat pemindahan di Stadium Suka Menanti,, di sini.

Turut berangkat mengiringi baginda berdua ialah puteri bongsu yang juga Pengerusi Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz. Hadir sama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan Timbalan

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ahmad Md Hanipah.

Sultan dan Sultanah Kedah meluangkan masa hampir sejam bersama rakyat jelata di pusat pemindahan itu, sebelum berangkat ke Wisma Darul Aman untuk taklimat khas banjir.

Sementara YSB turut menerima sumbangan sebanyak RM200,000 daripada individu yang tidak mahu dikenali bagi membantu mangsa banjir di Kedah. — Bernama

KP/JPS/DFT/US/B08



msu
management & science university

Program **Bachelor (Kepujian) & Diploma**

Human Capital Management

KPT/ JPS (KA7007) 03/12 . KPT/ JPS (KA7009) 03/12



(kod sms Bacelor : BPB) kod sms <jarak> nama <jarak> emel hantar ke
(kod sms Diploma : DPB) 019-341 9152 / 016-356 8251 / 012-249 6551

Management & Science University

Counselling & Communication Department,
University Drive, Off Persiaran Olahraga, Section 13,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 5521 6868
Fax : 03 5511 2848
Email : enquiry@msu.edu.my



CERTIFICATE NUMBER Q5641



"we are an MSC status university"

www.msu.edu.my
university of choice

> Bantuan Bernas

PENDANG: Sejumlah RM500,000 diperuntukkan Beras Nasional Bhd (Bernas) bagi membantu mangsa banjir di Kedah dan Perlis dengan membekalkan barangan keperluan asas seperti beras, gula, air mineral dan roti, semalam.

Pengurus Besar Kanan Sektor Perniagaan Beras Tempatan, Abdul Rahman Mohd Nasri, berkata Bernas dengan usahasama Gula Padang Terap Sdn Bhd membekalkan kira-kira 20,000 paket gula seberat satu kilogram (kg), 20,000 beras (10 kg) dan 12,000 bungkus roti serta air mineral untuk dihantar ke 100 pusat pemindahan banjir di Kedah dan 30 pusat di Perlis, yang akan diagihkan secara berperingkat selama tiga hari bermula semalam.

"Kami juga menubuhkan satu pasukan sukarelawan Bernas membabitkan 60 kakitangan untuk membantu membersihkan rumah kakitangan Bernas serta penduduk setempat yang terjejas akibat banjir," katanya ketika ditemui di Kilang Bernas Bukit Raya, di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, seramai 60 kakitangan Bernas secara sukarela akan turun padang menjayakan misi bantuan kemanusiaan berkenaan yang digerakkan seawal jam 8 pagi.

Katanya, lapan lori seberat tiga tan akan pergi ke kedua-dua negeri berkenaan untuk menghantar bekalan keperluan asas kepada mangsa banjir.

"Kita anggarkan lebih 100 kakitangan Bernas terabit secara sukarela dalam menjayakan tiga misi bantuan ke-



BERSEDIA... Abdul Rahman dan Pengus Besar Bernas, Amiruddin Ahmad Tajuddin menyusun beras untuk dihantar ke pusat penempatan



BANTU... Kadhar Shah Abdul Razak (tengah berbaju hitam) menyampaikan sumbangan makanan kepada mangsa banjir di Sekolah Sri Muda, semalam.

manusiaan kepada mangsa banjir berkenaan," katanya.

Sementara itu, di Jerlun kelmarin, Nasmir Holding Sdn Bhd membekalkan 20,000 hamper berisi beras, roti dan air mineral untuk diagihkan kepada mangsa banjir daerah di Jerlun dan Kubang Pasu.

Pengarah Urusannya, Kadhar Shah Abdul Razak ber-

kata, bantuan itu adalah sumbangan Nasmir untuk membantu mangsa banjir di utara Semenanjung.

"Jika keperluan mendesak, Nasmir akan menambah peruntukan untuk membantu mangsa banjir di daerah terjejas," katanya ketika ditemui di pusat penempatan banjir di Sekolah Kebangsaan Seri Muda, di sini, kelmarin.

Sekitar banjir

Mangsa kurang

ALOR SETAR: Mangsa banjir di Kedah berkurangan kepada 33,350 orang berbanding 39,785 petang kelmarin berikutan semakin ramai mangsa di daerah Kubang Pasu dibenarkan pulang, tetapi daerah Kota Setar menunjukkan peningkatan ketara mangsa banjir.

Selain itu, daerah Pokok Sena turut mencatat penurunan manakala daerah Padang Terap kekal dan Padang meningkat sedikit.

Sehingga 8 pagi semalam, bilangan mangsa banjir di daerah Kubang Pasu adalah

12,341 orang daripada 3,324 keluarga berbanding 21,111 orang petang kelmarin.

Daerah Kota Setar mencatat bilangan mangsa seramai 18,926 orang daripada 4,866 keluarga berbanding 16,376 kelmarin.

Di Padang Terap, jumlah mangsa adalah 354 orang daripada 92 keluarga, Pokok Sena 1,480 mangsa daripada 250 keluarga dan Padang 249 orang daripada 62 keluarga.

Jurucakap bilik gerakan Majlis Keselamatan Negara berkata, sehingga kini 97 pusat penempatan mangsa ban-



SERBA BOLEH... penduduk terpaksa menggunakan traktor untuk pulang ke rumah mereka apabila air banjir masih belum surut di Kampung Pulau Timbul, Jitra, semalam.

jir dibuka dan daripada jumlah itu, 38 adalah di Kubang Pasu, sembilan di Padang Terap, 42 di Kota Setar, tujuh di Pokok Sena dan satu di Padang.

Sementara itu, keadaan banjir di Perlis semakin pulih

dan angka mereka yang ditempatkan di pusat pemindahan kini berkurangan kepada 9,595 orang berbanding lebih 12,000 kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkata, se-



REDAH... gelagat orang ramai di Jalan Telok Wanjah ketika banjir melanda, Alor Setar, Kedah, semalam.

mua kira-kira 20 pusat pemindahan banjir di Padang Besar ditutup.

Bagaimanapun, katanya,

34 pusat pemindahan di kawasan Kangar dan empat di Arau masih beroperasi. — Bernama

Sekitar banjir

Najib arah bantu mangsa

>>Oleh MOHAMAD HUSSIN

mohamad@hmetro.com.my

JITRA: Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mengarahkan semua agensi kerajaan Persekutuan supaya memberi bantuan segera kepada mangsa banjir di

Kedah dan Perlis serta meminta mereka bersabar menghadapi bencana itu.

Perdana Menteri berkata, beliau meminta agensi terbabit segera turun padang membantu mereka yang ditimpa musibah tanpa mengira fahaman politik.

Beliau berkata demikian dalam perbualan telefon dengan Setiausaha Politiknya, Datuk Shahlan Ismail ketika melawat mangsa banjir di Kampung Pulau Timbul, di sini, pagi semalam.

“Kita akan menjalankan tanggungjawab ini dengan

penuh amanah atas sifat kita sebagai kerajaan yang memerintah negara.

“Bagi kami (kerajaan) tanggungjawab ini adalah amanah yang harus dipikul.

“Saya berharap rakyat bersabar dengan ujian ini dan sebagai kerajaan kita akan

melakukan apa saja yang terdaya untuk memastikan nasib rakyat terbela.

“Saya juga berterima kasih terhadap seluruh rakyat Malaysia yang mendoakan agar kesihatan saya kembali pulih seperti biasa untuk membolehkan saya kembali berkhid-

mat kepada negara.

“Saya faham betapa seriusnya keadaan banjir di Kedah dan Perlis dan saya akan buat apa saja untuk membantu mangsa banjir,” katanya yang dihubungi ketika mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur, semalam.

>Mangsa lemas dijumpai

ALOR SETAR: Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Kota Setar, semalam menjumpai mayat seorang daripada dua mangsa lemas yang terjatuh di sungai Tanjung Bendahara, Khamis lalu sejurus mayatnya didapati terapung dan tersadai di satu tempat timbunan sampah di Jambatan Tanjung Bendahara, di sini.

Dalam operasi mencari yang bermula kira-kira jam 8 pagi itu, 15 anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan

Raja dikerahkan dalam misi mencari serta dibantu tiga anggota dari Unit Anjing Pengesanan (K9) menjumpai satu mayat terapung di himpunan sampah berhampiran jambatan itu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Raja yang juga Komando Operasi, Idris Mydin, berkata mayat yang dijumpai kira-kira jam 9 pagi itu dipercayai Nur Irshah Rosli, 9, yang terapung tiga kilometer dari tempat asal mangsa terjatuh.

>3 cedera motosikal tergelincir

ALOR SETAR: Tiga penunggang motosikal tersembam di jalan raya selepas motosikal ditunggangi tergelincir berpunca daripada air banjir yang surut dan meninggalkan kesan minyak menyebabkan ketiga-tiganya luka parah di Jalan Kanchut, di sini, semalam.

Kejadian itu berlaku kira-kira

jam 10.20 pagi itu ketika Intan Sariani Mat Yatim, 23, dan Maznah Jaafar, 42, dalam perjalanan pulang.

Tidak sampai beberapa minit kemudian, seorang lagi mangsa, Cheng Ah Siong, 64, terjatuh di atas jalan apabila motosikal yang dinaikinya tergelincir di lokasi sama.